

NO. SOALAN: 315

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

RUJUKAN : 7295

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara luar yang memohon status penduduk tetap, jumlah warganegara yang telah memohon untuk melepaskan kewarganegaraan dan jumlah yang telah diluluskan mengikut jantina, agama dan baki pemohon.

JAWAPAN:

Untuk makluman, sebelum seseorang warga asing memperoleh status Pemastautin Tetap atau Penduduk Tetap, mereka perlu mendapatkan Permit Masuk (*Entry Permit*) di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terlebih dahulu selaras dengan peruntukan seksyen 10 Akta Imigresen 1959/63. Seterusnya seseorang warga asing yang telah dikeluarkan Permit Masuk layak untuk memohon taraf Pemastautin Tetap di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi membolehkan mereka dikeluarkan Kad Pengenalan Merah atau MyPR.

Berdasarkan statistik, jumlah permohonan Permit Masuk yang telah diluluskan bagi tahun 2010 sehingga 2013 adalah 30,024. Kesemua mereka dalam 30,024 permohonan ini layak untuk memohon taraf Pemastautin Tetap dari Jabatan Pendaftaran Negara. Pecahan permohonan Permit Masuk mengikut negeri adalah seperti di bawah:-

NEGERI	TAHUN				JUMLAH
	2010	2011	2012	2013	
PERLIS	41	59	43	30	173
KEDAH	270	449	293	141	1153
P.PINANG	301	406	429	203	1339
PERAK	495	744	641	271	2151
SELANGOR	1377	1603	1389	654	5023
K.LUMPUR	480	976	1084	445	2985
N.SEMBILAN	249	401	388	165	1203
MELAKA	180	384	319	118	1001
PAHANG	221	493	386	186	1286
JOHOR	1080	1412	1212	615	4319
TERENGGANU	132	150	154	46	482
KELANTAN	324	420	314	140	1198
SABAH	453	1935	628	235	3251
SARAWAK	1352	846	353	179	2730
LABUAN	39	3	28	43	113
PUTRAJAYA	130	473	693	321	1617
JUMLAH	7,124	10,754	8,354	3,792	30,024

Berhubung dengan pelepasan kewarganegaraan Malaysia pula, Perkara 23 (1) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa mana-mana warganegara yang berumur 21 tahun atau lebih dan yang sempurna akal yang juga ialah seorang warganegara negara lain atau yang hampir menjadi seorang warganegara negara lain boleh melepaskan kewarganegaraannya bagi Persekutuan melalui akuan yang didaftarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan hendaklah sesudah itu terhenti menjadi warganegara. Dalam hal ini, jumlah permohonan daripada warganegara Malaysia untuk melepaskan kewarganegaraan Malaysia bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2009 sehingga 2013 mengikut jantina adalah seramai 42,042 orang

yang terdiri daripada 18,110 orang lelaki dan 23,932 orang perempuan.